



JAD TRAVEL & TOURS (M) SDN BHD

GAMBAR

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON		
PEMOHON :		
NAMA IBU :		
NO.K/P :	T/LAHIR :	TEMPAT LAHIR :
JANTINA :	STATUS :	PEKERJAAN :
ALAMAT RUMAH :		
ALAMAT PEJABAT :		
NO. TEL (RUMAH) :		NO. TEL (PEJABAT) :
NO. PASSPORT :		TEMPAT DIKELUARKAN :
TARIKH DIKELUARKAN :		TARIKH TAMAT :
B. PAKEJ		
JENIS PAKEJ : BIASA / SEDERHANA / ISTIMEWA		
PENERBANGAN :		TARIKH BERTOLAK :
TARIKH KETIBAAN :		
C. BUTIR-BUTIR AHLI KELUARGA YANG TURUT SERTA		
NAMA :	PERTALIAN :	UMUR :
NAMA :	PERTALIAN :	UMUR :
NAMA :	PERTALIAN :	UMUR :
BILIK YANG DICADANGKAN :		
D. BUTIR-BUTIR WARIS DI MALAYSIA		
NAMA :		PERTALIAN :
ALAMAT :		
E. BUTIR-BUTIR KESIHATAN		
JENIS PENYAKIT :		NAMA UBAT :

KEGUNAAN PEJABAT

BORANG VISA			RM	NO.RESIT
4 KEPING GAMBAR		DEPOSIT		
PASSPORT ANTARABANGSA		BAYARAN 2		
SURAT NIKAH/MUHRIM		BAYARAN 3		
SURAT SUNTIKAN		JUMLAH		
TIKET		AGEN		
VISA				

Saya dengan ini mengesahkan tempahan saya di atas. Saya bersetuju dan menerima syarat-syarat yang dinyatakan oleh syarikat sepertimana yang bertulis di belakang borang ini.

**Sila rujuk syarat-syarat di sebelah sebelum tuan/puan menandatangani borang ini.*

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

MAKLUMAT DAN SYARAT-SYARAT TEMPAHAN

TEMPAHAN DAN BAYARAN PENDAHULUAN

Tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tarikh bertolak. Bayaran pendahuluan sebanyak RM1,000.00 seorang hendaklah dibayar secara tunai semasa pendaftaran.

BAYARAN PENUH

Bayaran sepenuhnya hendaklah dibuat tidak kurang daripada 40 hari sebelum tarikh berlepas. Bayaran yang menggunakan cek hendaklah dibuat 50 hari sebelum bertolak.

BAYARAN TAMBAHAN UNTUK BILIK PERSEORANGAN ATAU MEMILIH BILIK

Susunan bilik adalah ditentukan oleh pihak syarikat di setiap destinasi. Jika seseorang memilih bilik yang lebih baik daripada yang disediakan, ia hendaklah membuat tambahan harga.

KANAK-KANAK

Harga pakej bagi kanak-kanak berumur 2-12 tahun ialah 80% dari harga pakej biasa (1 bilik – 2 orang dewasa). Bayi (bawah 2 tahun) akan diberi diskaun 25% dari harga dewasa (tiada katil dan makan).

TAMBAH PAKEJ TERMASUK

- Penerbangan kelas ekonomi pergi dan balik
- Pengangkutan pergi balik seperti tercatat dalam aturcara.
- Tempat penginapan seperti yang dimaklumkan atau setaraf dengannya.
- Jadual makan penuh (3x) sehari kecuali bulan Ramadhan (2x) sehari.
- Khidmat seorang pemandu pelancong yang boleh berbahasa Malaysia.
- Cukai lapangan terbang.

BAYARAN BALIK

Bayaran balik tidak akan diberi jika sebarang perjalanan/perkhidmatan atau makanan yang disediakan tidak digunakan.

NOTA

Anda dinasihatkan tidak membuat sebarang pertukaran tempat penginapan, aturcara dan lain-lain urusan semasa mengikut pakej ini.

PEMBATALAN & TIDAK HADIR

Jika ingin membatalkan penempahan yang telah disahkan seperti mana yang telah ditetapkan, mereka akan dikenakan pemotongan seperti berikut:

Deposit pendaftaran : RM1,000.00 tidak dikembalikan
Sebelum 30 hari : Separuh sahaja dikembalikan
8-30 hari : 25% daripada harga pakej dikembalikan
Kurang dari 8 hari : 100% daripada harga pakej
Tidak hadir : Tiada bayaran balik akan dikembalikan

Bayaran yang telah dibuat tetapi tidak mencukupi pada tarikh yang ditetapkan iaitu dalam masa 30 hari, pembatalan tempahan akan dibuat dan pemulangan bayaran akan dibuat selepas 3 bulan mengikut syarat-syarat pembatalan.

DOKUMEN PERJALANAN

(Serahan 40 hari sebelum bertolak)

Bagi pakej-pakej anjuran JAD Travel & Tours, dokumen berikut diperlukan untuk permohonan visa:

- Passport antarabangsa – sah selama 6 bulan sehingga peserta kembali ke tanah air.
- Surat akuan kesihatan sebagai bukti anda telah diberi suntikan taun dan cacar.
- Surat pengesahan muhrim – jika diperlukan
- Gambar 4 keping (tidak akan dikembalikan)

Kelulusan visa tertakluk kepada keputusan pihak kedutaan. Setiap peserta hendaklah memberikan kerjasama ke atas penambahan segala dokumen.

PASSPORT

Anda dinasihatkan sentiasa membawa passport/dokumen perjalanan semasa berada di negara-negara yang dilawati. Bagi pakej umrah passport akan disimpan oleh pihak syarikat. Peserta digalakkan memakai lencana pengenalan syarikat.

INSURAN

Kami menasihatkan kepada semua pelanggan kami mempunyai insurans diri dan barang-barang untuk melindungi mereka semasa dalam perjalanan yang dilawati.

MATA WANG

Matawang yang digunakan mengikut negara yang dilawati.

HARGA PAKEJ

- Tertakluk kepada harga tiket penerbangan dan pengurusan setiap destinasi (boleh berubah tanpa notis).
- Penambahan harga pakej hendaklah dijelaskan sebelum bertolak ke destinasi.
- Nama akan terbatal sekiranya bayaran gagal dijelaskan.
- Pemulangan wang baki akan dibuat dalam masa 3 bulan dari tarikh pemohonan.

*Harga pakej tertakluk kepada pertukaran wang asing semasa pembayaran dibuat.

TIKET

Tiket yang telah dikeluarkan adalah tiket yang khas dan tidak boleh diendorsekan dan tidak boleh dikembalikan atau ditukar hak milik. Penumpang yang berdaftar sahaja yang boleh menggunakan tiket tersebut. Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab tentang pengurusan visa yang tidak melalui syarikat kami.

HOTEL DAN PENGINAPAN

Pihak syarikat tidak bertanggungjawab atas segala ganti rugi jika hotel yang dijanjikan tidak dapat dipenuhi. Walaubagaimanapun pihak syarikat akan mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan hotel/penginapan yang setaraf dengannya. Pemilihan bilik bersama keluarga hendaklah diberitahu secara bertulis kepada pihak syarikat memandangkan segala pengurusan dilaksanakan oleh pihak syarikat.

TANGGUNGJAWAB

Pihak syarikat hanya memberi perkhidmatan pengangkutan/penginapan dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan di setiap destinasi. Lain-lain perkhidmatan bergantung kepada kesediaan pihak agen di setiap destinasi. Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap kemalangan yang berlaku seperti kehilangan, bencana alam, sama ada melibatkan harta benda atau tubuh badan. Para peserta adalah terhalang dari mengambil sebarang dakwaan, tindakan atau ganti rugi ke atas pihak syarikat dari apa jua perkara berbangkit yang berpunca dari pihak syarikat atau sebaliknya. Pihak syarikat juga tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kemalangan yang membabitkan undang-undang kerajaan kerana ia adalah diluar kawalan pihak syarikat. Semua yang mengikut pakej hendaklah bersetuju dengan undang-undang destinasi yang dilawati.

ATURCARA PERJALANAN

Setiap aturcara yang telah disediakan oleh pihak syarikat boleh berubah mengikut aturcara yang ditetapkan oleh pihak agen tanpa sebarang notis.